

# Mahathir yakin kekuatan Umno dapat dikekalkan

BM 11 AUG 1985

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yakin Umno dapat mengekalkan kekuatannya kerana majoriti pemimpin dan ahlinya bebas daripada sebarang unsur jahat dan mereka bertindak mengikut matlamat parti.

Katanya, Umno ditubuhkan bukan sahaja untuk memperjuangkan hak bangsa Melayu, malah mempunyai matlamat untuk mempertahankan dan menyebarkan Islam di negara ini.

"Ini jelas dalam perlembagaan Umno. Malah, langkah pertama Umno selepas berjaya mengukuhkan kedudukan bangsa Melayu ialah memastikan Perlembagaan Malaysia mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perjuangan menyebar dan menerapkan nilai-nilai Islam adalah proses yang berterusan dan ia akan dilakukan dari masa ke masa.

Dalam temubual dengan majalah *Arabia* keluaran Ogos, Perdana Menteri menafikan kedu-

dukan parti itu digoncang oleh anasir komunis atau amalan membeli undi.

"Umno tidak pernah digoncang oleh komunis atau amalan membeli undi," tegasnya ketika mengulas mengenai dakwaan bahawa Umno dipengaruhi oleh anasir komunis pada tahun 70-an dan masalah membeli undi dalam pemilihan parti baru-baru ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno mengamalkan dasar liberal dan bersedia menerima sebarang kritikan sebagaimana ia mengkritik pihak lain.